

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 JULY 2016

Najib kongsi rekod prestasi sejak 1976

um - 29/7/2016

KUALA LUMPUR 28 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak berkongsi rekod prestasi beliau dalam kerajaan dan politik sejak 1976 hingga kini dalam laman blog *Najib Razak.com*.

Perdana Menteri berkata, sejarah ringkas beliau ketika memegang portfolio dalam pelbagai kementerian boleh dibaca dengan melayari pautan <https://www.najibrazak.com/bm/track-record/>.

Najib turut mengimbuai kembali tanggungjawab yang dilaksanakan beliau sebagai Menteri Pendidikan mulai 1995 hingga 1999.

“Ketika itu, saya memperkenalkan beberapa perubahan bagi mengukuhkan lagi sistem pendidikan Malaysia termasuk-

lah dengan mewujudkan Akta Pendidikan 1996,” katanya melalui laman Facebook beliau hari ini.

Antara pembaharuan utama yang dilakukan Najib melalui akta tersebut adalah pelaksanaan dasar kerajaan yang mewajibkan semua sekolah menggunakan kurikulum kebangsaan.

Selain itu, kerajaan menambah peluang pendidikan dengan menyediakan sekolah teknik dan vokasional serta politeknik.

Pembaharuan yang diperkenalkan Najib turut merangkumi aspek penambahbaikan perkhidmatan dan kebajikan guru serta menaik taraf sijil pengajaran kepada status diploma.

Pencapaian menarik beliau sepanjang berkecimpung dalam

dunia politik dan perkhidmatan kerajaan termasuk menjadi Ahli Parlimen, Timbalan Menteri dan Menteri Besar termuda dalam sejarah negara.

Najib juga pernah berkhidmat sebagai Menteri Besar Pahang, Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos, Timbalan Menteri Pendidikan, Timbalan Menteri Kewangan, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan serta Timbalan Perdana Menteri.

Rekod prestasi tersebut turut menggariskan pengalaman beliau dalam UMNO termasuk sebagai Ahli Majlis Tertinggi, Ketua Pergerakan Pemuda, Naib Presiden, Timbalan Presiden dan Presiden.